



e-Solution, inkubator teknologi Kumpulan YTL antara lain menyediakan teknologi paparan digital dari portal pembangunan.



WESSEX Water Ltd, merupakan pelaburan terbesar YTL untuk memiliki syarikat air dan kumbahan di England.



YTL Cement yang tersenarai di papan kedua Bursa Saham Kuala Lumpur pada tahun 1993 dengan nama Buildcon Berhad.

YTL merentasi benua

Dari Kuala Selangor ke England

UM 31/10/2003 - 34 PRECISE

Oleh RADZUAN HASSAN

SEPANJANG 22 tahun kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Malaysia ternyata membangun dengan pesat terutama dari aspek infrastruktur.

Sepanjang tempoh itu, banyak projek penswastan dan peluang yang diberikan kepada syarikat tempatan terutama bagi projek-projek pembinaan berskala besar.

Malah, sejak ia diperluaskan ke luar negara, industri pembinaan negara didapati telah mencapai tahap dan piawaian antarabangsa - termasuk di Asia, negara-negara Eropah dan

Amerika Syarikat.

Ternyata, Dr. Mahathir berjaya mengubah wajah industri

Malaysia seterusnya meletakkan negara ke landasan yang betul terutama aspek pembangunan infrastruktur.

Sejak projek persyarikatan Malaysia diperkenalkan pada tahun 1980-an, kebanyakan projek infrastruktur diambil alih

oleh syarikat swasta seterusnya menjadikan Malaysia negara pertama di Asia yang berbuat demikian.

Melalui cara itu, beban yang ditanggung oleh kerajaan selama ini telah berkurangan dan tenaga itu boleh ditumpukan kepada aspek pembangunan lain yang difikirkan lebih penting.

Salah sebuah syarikat yang mampu mengorak langkah dan mengambil peluang yang disediakan itu termasuklah Kumpulan Syarikat YTL.

Selain itu, semasa kepimpinan Dr. Mahathir juga suasana ekonomi, politik dan sosial telah membangun dengan

hebat sekali.

Pendekatan serta pandangan jauh seperti yang dipamerkan oleh Dr. Mahathir baik dari segi pembangunan teknologi, pendidikan dan latihan sedikit sebanyak telah memberi impak positif kepada pembangunan di Malaysia.

Dalam masa yang sama, beliau juga sebenarnya orang yang bertanggungjawab memperbaiki standard, kepercayaan, profesionalisme dan ketelusan di dalam perkhidmatan awam sejak dulu lagi.

Malah, tidak dapat disangkal lagi usaha Perdana Menteri membantu membina tahap keyakinan diri yang tinggi di kalangan rakyat sehingga berjaya memberi semangat kepada mereka untuk berjaya.

Sifat 'Malaysia Boleh' merupakan salah satu daripada contoh terbaik.

YTL syarikat yang telah memulakan operasinya di Kuala Selangor sejak 1955, dua tahun sebelum negara mencapai kemerdekaan dan memulakan perniagaan dengan membina depot dan kem bagi Tentera British.

Selepas kemerdekaan, YTL masih terus diberi kepercayaan penuh bagi pembinaan kem-kem tentera di kawasan strategik oleh Kementerian Pertahanan.

Selepas 48 tahun, YTL kini sudah berkembang sebagai pemaju pembangunan yang mantap dan berpotensi di tiga negara iaitu Malaysia, Australia dan United Kingdom dengan kemampuan operasi kelima-lima anak syarikatnya.

Perniagaan teras YTL kini pula meliputi pelbagai bidang terutamanya berkaitan pembekalan tenaga, pembinaan, pengeluaran simen, pembangunan hartanah, hotel, teknologi maklumat dan e-Perdagangan.

Pada tahun ini, pendapatan tahunan syarikat mencecah sekitar RM4 bilion dan buat pertama kali dijangka bertambah RM1 bilion tidak lama lagi.

Bagi sektor pembinaan YTL mula menceburi industri ini sejak 1955 lagi semasa dilantik membina berek bagi Tentera British di Malaya ketika itu.

Selepas 48 tahun, YTL kini telah mengorak langkah dalam pembangunan infrastruktur.

Pada peringkat awal, syarikat

berkenaan memulakan perniagaan dengan mendirikan klinik, sekolah, kuarter kerajaan dan jalan-jalan raya.

Kejayaan besar YTL ketika itu ialah berjaya membina Hospital Besar Klang yang memuatkan 750 buah katil dalam masa tiga tahun setengah sahaja (biasanya tempoh lima hingga enam tahun diperlukan bagi pembinaan sesebuah hospital).

Selepas itu, YTL terus diberi kepercayaan besar kerajaan dengan membina Hospital Besar Terengganu pada 1983 melalui projek segera oleh kerajaan.

Antara projek lain yang berjaya termasuk UMBC Annexe, bangunan MAS, Menara Aetna, Kompleks pejabat dan Auditorium MPSA, Hotel Istana dan Lapangan Terbang Sibul.

Ekoran kejayaan dalam sektor kesihatan, YTL terus menerima kontrak bernilai RM840 juta pada 1990 bagi membina sebanyak 12 hospital nukleus yang lain di seluruh negara.

Konsep hospital nukleus itu pada mulanya diperkenalkan oleh Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Sosial Britain sebelum diimplementasikan di Malaysia melalui program antara kerajaan.


Usaha berkenaan dijangka merapatkan jurang penjagaan kesihatan antara kawasan bandar dan pedalaman.

Daripada 12 buah hospital berkenaan dengan kapasiti sebanyak 2,400 buah katil itu ia berjaya disiapkan dalam tempoh 54 bulan.

Dalam bidang pengeluaran simen pula YTL Cement Berhad telah disenaraikan di Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur pada 1993 di bawah nama Buildcon Berhad yang memulakan operasi sejak 1970-an dan seterusnya menggalakkan lagi sektor pembinaan di Malaysia.

Bermula daripada sebuah kilang dan enam trak - YTL Cement kini merupakan salah satu pengeluar simen utama yang mempunyai sebanyak 50 kilang dan 600 trak yang berkemampuan mengeluarkan produk simen pelbagai jenis.

Aktiviti YTL Cement juga mengambil alih Pahang Cement Sdn. Bhd - satu-satu syarikat simen terkemuka di Pantai Timur yang terletak di Bukit Sagu, Kuantan.



YTL pembekal tenaga pertama diberi lesen membina dua projek di Paka, Terengganu dan Pasir Gudang, Johor.

la berkemampuan mengeluarkan 1.2 tan simen setahun di bawah jenama Orang Kuat'.

Penglibatan YTL dalam pembangunan hartanah pula jelas mempunyai sinergi perniagaan kerana kos material bangunan dan urusan berkaitan kontraktor dapat dikurangkan oleh syarikat.

Malah, dalam situasi ekonomi yang tidak mengizinkan, YTL mengadakan projek pembangunan dengan usaha sama pemilik tanah dan melalui cara itu, risiko kewangan dapat dikurangkan.

Pada 1980-an, antara inovasi yang diperkenalkan ialah reka bentuk rumah kos rendah iaitu dari dua ke tiga bilik sehingga kini menjadi standard sampai ke hari ini.

Bagi menangani permintaan, YTL juga terlibat dalam pembinaan kondominium dan merupakan antara syarikat pertama membina seperti di Putra Court di Johor, Pantai Hill Park di Kuala Lumpur dan yang terbaru ialah satu projek di Sentul.

Melalui pembelian tiga hartanah utama di pusat bandar raya Kuala Lumpur pada 1997 seperti kompleks membeli-belah Lot 10, Starhill dan Hotel JW Marriot - YTL turut membangunkan kawasan pelancongan seperti Bintang Walk dalam tempoh enam bulan sahaja sehingga menjadi kebanggaan ramai seperti Champs Elysees di Paris dan Knightbridge di London.

Di bidang pembangunan dan pengurusan hotel pula YTL memiliki hotel dan resort utamanya Pangkor Laut Resort yang mempunyai keluasan 300 ekar di atas pulau tropika yang dibuka sejak 1994 dan sehingga kini telah memenangi banyak anugerah di peringkat antarabangsa.

Hotel kedua YTL ialah Hotel Vistana di Kuala Lumpur yang dibuka pada September 1995 sebelum diikuti cawangannya di Kuantan dan Pulau Pinang.

Pada awal 1990-an, kerajaan

Malaysia melahirkan inisiatif projek program penswastan industri bekalan elektrik melalui Lesen Pengeluar Tenaga.

Selepas kejadian bekalan elektrik terputus di seluruh negara pada September 1992 - keperluan tenaga alternatif semakin diperlukan terutama apabila simpanan bekalan elektrik semakin berkurangan.

YTL diberi kepercayaan membina dua projek iaitu di Paka, Terengganu dan di Pasir Gudang di Johor.

Pada 1995, YTL menjadi sebahagian daripada konsesi konsortium selama 60 tahun oleh kerajaan bagi membina 57 kilometer ERL yang menghubungkan Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang dan sehingga kini YTL mempunyai pegangan sebanyak 50 peratus daripadanya.

Untuk pembangunan di bidang teknologi maklumat (IT) dan E-Commerce, YTL e-Solutions merupakan cawangan kepada YTL dan tersenarai di Pasaran Mesdaq di BSKL pada Julai 2002 dan memasuki pasaran bagi banyak peralatan IT.

Ia selaras dengan matlamat penubuhan Koridor Raya Multimedia yang merupakan idea Perdana Menteri yang mahu menjadikan Malaysia sebagai pelopor IT dan teknologi maklumat di dunia.

Kemudahan air dan saliran bersepadu juga merupakan aktiviti perniagaan penting YTL.

Pada Mei 2002, YTL membeli 100 peratus saham dalam Wessex Water Limited - salah satu daripada syarikat air dan saliran di United Kingdom dengan nilai 1.24 bilion pound dan juga menjadi pelaburan paling besar pernah dibuat oleh syarikat tempatan.

Wessex Water merupakan syarikat yang beroperasi melibatkan 1.2 juta pelanggan di England termasuk Bristol, Dorset, Somerset dan beberapa bahagian di Wiltshire dan Gloucestershire, Hampshire dan Devon.



DR. MAHATHIR (tengah) diiringi melawat projek YTL.